



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

KESIAPSIAGAAN OPERASI PENGURUSAN RISIKO BANJIR HADAPI MONSUN TIMUR LAUT (MTL) JADI KEUTAMAAN

PUTRAJAYA, 19 MAC 2026 - Kerajaan Persekutuan melalui agensi di bawah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia sentiasa berada dalam keadaan siap siaga menghadapi Musim Monsun Timur Laut (MTL) 2025/2026 yang telah bermula pada November 2025 dan dijangka berakhir pada Mac 2026 semasa tempoh musim perayaan Hari Raya Aidilfitri akan datang.

Sehubungan itu, pelaksanaan perancangan awal, penyelarasan sumber serta kesiapsiagaan operasi terus menjadi fokus utama PETRA menerusi JPS bagi memastikan pengurusan risiko banjir dapat dilaksanakan secara berkesan dan menyeluruh. Sehingga 17 Mac 2026, sebanyak 745 kejadian banjir telah direkodkan di seluruh negara kecuali Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Bagi memastikan tahap kesiapsiagaan pada tahap optimum dalam menghadapi MTL, PETRA telah melaksanakan beberapa langkah strategik seperti berikut:

- i. Pemantauan operasi ramalan dan amaran banjir dilaksanakan 24 jam sehari sepanjang tahun melalui penggunaan model ramalan banjir di 36 lembangan sungai, yang berfungsi memberikan ramalan awal dan amaran banjir melalui Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN). Sistem ini turut disokong oleh 1,798 stesen hidrologi telemetri yang merekodkan data hujan dan aras air sungai. Sehingga kini, sebanyak 64 hebahan ramalan awal banjir dan 39 hebahan amaran banjir telah dikeluarkan;
- ii. 614 siren amaran banjir telah dipasang di lokasi strategik di seluruh negara, selain 197 kamera pemantauan yang berfungsi secara langsung bagi membantu pemantauan situasi semasa. Sehingga 16 Mac 2026, sebanyak 675 pengaktifan siren amaran banjir telah direkodkan sebagai langkah penyampaian amaran awal kepada penduduk di kawasan berisiko;
- iii. 3,682 lokasi hotspot banjir telah dikenal pasti di seluruh negara sebagai rujukan kepada orang awam berkaitan kawasan yang kerap dilanda banjir. Lokasi-lokasi ini dikenal pasti berdasarkan rekod kejadian banjir sekurang-kurangnya tiga kali dalam tempoh tiga tahun terkini. Antara negeri yang mencatatkan jumlah hotspot tertinggi ialah Pahang dengan 760 lokasi, diikuti oleh Kelantan sebanyak 618 lokasi, dan Sabah sebanyak 517 lokasi;
- iv. 606 pam mudah alih pelbagai kapasiti, 1,079 pintu kawalan air serta 285 rumah pam di seluruh negara berada dalam keadaan baik dan sentiasa bersedia untuk digunakan sekiranya diperlukan;
- v. Pemantauan rapi turut dilaksanakan terhadap 16 empangan kendalian JPS, 761 kolam takungan banjir, serta kerja-kerja penyelenggaraan berjadual di lembangan-lembangan sungai yang dikenal pasti berisiko tinggi mengalami banjir;

- vi. Kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta syarikat-syarikat telekomunikasi bagi melaksanakan hebahan amaran banjir melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) kepada penduduk di kawasan yang diramalkan berisiko dilanda banjir; dan
- vii. Penyelarasan bersama Pihak Berkuasa Negeri bagi menetapkan Prosedur Operasi Standard (SOP) pelepasan air empangan sebagai langkah persediaan untuk meningkatkan keupayaan takungan banjir empangan sepanjang Monsun Timur Laut.

Orang awam disaran untuk sentiasa mengikuti maklumat berkaitan ramalan dan amaran banjir yang dikeluarkan secara rasmi oleh JPS melalui laman web Public Infobanjir serta aplikasi MyPublicInfoBanjir yang boleh dimuat turun melalui *Google Play Store* dan *Apple App Store*.

PETRA akan terus komited dalam melaksanakan tanggungjawab bagi memastikan kesiapsiagaan dan pengurusan bencana banjir dilaksanakan secara efisien, terselaras dan berkesan, demi menjamin keselamatan rakyat serta kemampanan negara.

YAB DATUK AMAR HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
19 Mac 2026